

Ucapan Menteri Pelajaran, Tache
Hussein Onn di-Meskuarat Pelancharan
Majlis Penasehat Pelajaran Tinggi di-
Dewan Bahasa dan Pustaka pada 8.8.72
jam 11.30 pagi

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih di-
atas kesudian tuan2 menerima jemputan saya untok menjadi ahli2 Majlis
ini. Saya sedar tuan2 mempunyai tanggung jawab yang berat lagi sebek
dengan tugas2 masing2. Penerimaan tuan2 sebagai ahli2 Majlis Penasehat
Pelajaran Tinggi sangat2-lah di-hargai kerana ini menunjukkan akan
perasaan tanggung jawab tuan2 yang begitu tinggi dan pengorbanan yang
sedia di-berikan demi kepentingan negara.

2. Usaha menghidupkan semula Majlis ini telah mendapat sambutan
yang baik daripada raayat jelata. Ini membayangkan betapa besar peng-
hargaan dan minat raayat terhadap kebajikan, kemajuan dan pembangunan
universiti2 kita. Sebagai Menteri yang bertanggung jawab juga kepada
pelajaran tinggi, sudah semesti-nya saya berkehendakkan nasehat daripada
sabuah badan yang bebas seperti Majlis ini untok menjalankan tanggung
jawab saya. Adalah mustahil bagi saya untok tidak merasa bimbang apabila
membuat sesuatu kesilapan bagi pihak diri saya yang boleh merosakkan
negara dan membawa benchana kepada ribuan ma'nusia.

3. Tugas yang saya berikan kepada Majlis ini amat-lah banyak.
Tugas mereka bukan hanya untok pembangunan universiti yang ada, malahan
juga mengator dan membangunkan universiti2 baru. Lain2 hal yang ada
hubungan dengan pelajaran tinggi akan juga di-rojokkan kepada Majlis ini.

4. Majlis ini memang sengaja di-buat sebagai Badan Penasehat. Ini
ia-lah di-sebabkan ada-nya bahti negara kita yang sedang membangun, ber-
kehendakkan tenaga ma'nusia yang berkelulusan dan mahir di-dalam bidang2
yang tertentu dan mesti-lah di-beri keutamaan oleh universiti2. Oleh itu
Kerajaan mesti-lah mengekalkan kebebasan-nya membuat keputusan yang muk-
tamat.

5. Dengan ada-nya kesedaran bahawa Majlis ini tidak akan dapat
menjalankan tugas-nya dengan lebeh berkesan dan lebeh chepat tanpa mempu-
nyai maklumat, angka2 dan kenyataan2 maka sabuah Sekretariat Sapenoh masa
sedang di-tubuhkan. Segala detail sedang di-jalankan antara Pengerusi
tuan2 dengan Kementerian Pelajaran. Pihak Kementerian Pelajaran akan
membuat apa saja untok menolong Majlis ini darisegi pentadbiran, kewangan
dan lain2.

6. Saya meminta maaf bahawa satu kesilapan telah berlaku, ia-itu tidak sa-orang pun kaum ibu telah di-lantek untok menjadi ahli majlis ini. Kesilapan ini akan di-baiki. Bilangan dan nama2 mereka akan di-umumkan dalam masa satu minggu.

7. Saperti yang tuan2 ketahui dalam tahun 1962 Kerajaan telah pun membentok sa-buah Jawatankuasa Peranchangan Pelajaran Tinggi. Jawatankuasa itu pun mengemukakan Laporan dalam tahun 1967, dan telah mengumpulkan banyak penerangan dan angka2 yang mana sebelum pada itu tidak pun ada. Jawatan kuasa itu juga telah membuat beberapa shor. Jawatankuasa itu menyatakan oleh kerana beberapa sebab maka sa-bahagian daripada pendapat2-nya, chadangan2 dan shor2-nya adalah tentatif dan menhadangkan agar perkara itu di-semak semula pada suatu masa yang akan datang. Saya menhadangkan agar sebagai permulaan Majlis ini patut-lah mengkaji Laporan itu dan menyemak semula pendapat2, chadangan2 dan shor2-nya. Pada masa yang sama ia boleh membaiki pengkajian Laporan tersebut dengan melihat kursus2 pengajian pada masa ini, bilangan penuntut2 yang masuk fakulti2 di-universiti2 kita sejajar dengan kehendak tenaga manusia negara ini. Elok saya teruskan untok pengetahuan Majlis ini bahawa Enche Eddy Lee dari Universiti Malaya telah menulis sabuah buku memberi komen-nya mengenai Laporan Jawatankuasa Peranchangan Pelajaran Tinggi itu,

8. Akhir-nya saya mengharapkan kerjasama yang rapat dari Majlis ini. Tuan2 mempunyai pengerusi yang di-hormati oleh Kerajaan dan raayat ia-itu tidak lain tidak bukan Tan Sri Hakim Suffian. Kalau boleh saya katakan beliau sangat2-lah mengambil berat di-dalam bidang pelajaran saperti juga berat-nya perhatian dan kebijaksanaan-nya dalam pengajian undang2. Selain daripada itu beliau mempunyai banyak pengalaman mengenai perkara2 universiti. Elok saya mengambil peluang ini menguchapkan tahniah kepada beliau di-atas pengurniaan yang di-berikan kepada-nya oleh Universiti Singapura baru2 ini. Saya juga mempunyai keyakinan penuh terhadap tuan2 semua di-dalam Majlis ini dan saya yakin tuan2 akan memikul tanggong-jawab ini dengan sa-penoh-nya.



No Siri 126
No Penerimaan 126/80